

**UCAPAN YBHG. DATO' MAIMUNAH MOHD SHARIF**  
**YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**  
**KARNIVAL KESEDARAN DENGGI 2016**  
**MYDIN MALL BUKIT MERTAJAM**

**20 OGOS 2016**

.....  
Yang Berhormat Dr. Afif bin Bahardin  
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang  
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pertanian & Industri Asas Tani,  
Pembangunan Desa dan Kesihatan

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang  
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Hal Agama, Perdagangan Dalam  
Negeri dan Hal Ehwat Pengguna

YB. Tuan Haji Makthar Bin Haji. Shapee  
Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri  
ADUN Sungai Bakap

YB. Puan Ong Kok Fooi  
ADUN Berapit

YB. Tuan Tanasekharan A/L Autherapady  
ADUN Bagan Dalam

YB. Tuan Sanisvara Nethaji A/L Rajaji  
ADUN Seri Delima

YB. Tuan Soon Lip Chee  
ADUN Jawi

YB. Cik Yap Soo Huey  
ADUN Pulau Tikus

Dr. Noorlia Bt Yahya  
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri

Dr. Rafidah Binti Md Noor  
Pegawai Kesihatan Daerah SPT

Dr. Noraishah Binti Jaafar  
Pegawai Kesihatan Daerah SPS

Dr. Mohamad Reza B Hamdan  
Ketua Unit Kesihatan Awam Hospital Pulau Pinang

Tengku Nur Asmawati (wakil) –  
Hospital Balik Pulau

Lony D. Lomodi (wakil) –  
Hospital Bukit Mertajam

En. Akhmal Affandi (wakil) –  
Ketua Penolong Pegawai Daerah SPU

En. Faizal (wakil) –  
Penolong Pegawai Daerah SPS

Rakan-rakan media

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

.....

Assalamualaikum dan selamat sejahtera,

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur yang sudi mengundang saya untuk membuat ucapan aluan Karnival Kesedaran Denggi 2016. Saya mengucapkan syabas kepada pihak penganjur atas usaha gigih menjayakan program ini.

Seperti kita semua sedia maklum, Demam Denggi merupakan sejenis virus topikal yang disebar melalui nyamuk Aedes. Wabak ini telah berkembang dengan ketara di seluruh dunia dalam beberapa dekad kebelakangan ini.

Sehubungan itu, pelbagai kempen telah dianjurkan oleh pelbagai pihak bagi memberi kesedaran kepada masyarakat tentang bahayanya wabak ini. Banyak sumbangan telah dilaburkan demi memastikan demam yang membawa maut oleh serangga kecil ini boleh dihapuskan atau sekurang-kurangnya dikurangkan jumlahnya.

Salah satu program yang dianjurkan oleh COMBI (Communication for behavioral Impact) merupakan program yang diperkenalkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Program ini telah dilaksanakan di beberapa negara dengan menunjukkan hasil yang membanggakan. Tujuan utama pelaksanaan program ini adalah untuk menyedarkan dan menggerakkan masyarakat dalam pencegahan dan pengawalan penyakit berjangkit yang bertujuan meningkatkan taraf kesihatan mereka.

Di Malaysia, tumpuan utama program ini dilaksanakan dengan memfokuskan pencegahan dan pengawalan demam denggi. Manakala pelaksanaan program COMBI di Negeri P.Pinang ini merupakan langkah proaktif dalam usaha membasmi nyamuk Aedes dan seterusnya mencegah wabak demam denggi.

Kita menyedari bahawa wabak denggi sering berlaku di negara ini. Setiap tahun ada sahaja kes demam denggi dilaporkan berlaku sama ada di bandar atau di luar bandar. Sehingga ke hari ini belum ada ubat khusus yang boleh menghapuskan virus denggi ini secara kekal.

Pada tahun 2016 di negeri P.Pinang (sehingga 13 Ogos ini), sejumlah 2005 kes dilaporkan dan 8 kematian merupakan kes di Seberang Perai. Sebanyak 69 episod wabak denggi berlaku di Daerah Seberang Perai. Memandangkan keadaan yang semakin meruncing ini kita perlu mengambil langkah yang lebih proaktif demi menghapuskan wabak demam

denggi ini. Sebenarnya kita semua adalah terdedah kepada virus denggi yang dibawa oleh nyamuk Aedes.

Tanggungjawab untuk membasmi nyamuk aedes ini bukan semata-mata terletak pada Kementerian Kesihatan atau PBT semata-mata, setiap pihak dan masyarakat keseluruhannya mesti sama-sama bertanggungjawab dalam memastikan kawasan di sekeliling kita bebas daripada pembiakan nyamuk Aedes. Setiap individu berperanan dalam memastikan tiada ruang untuk nyamuk Aedes hidup dan membiak. Sebenarnya untuk mencegah berlakunya demam denggi adalah mudah. Setiap orang daripada kita mampu melakukannya. Caranya adalah dengan membuat pemeriksaan persekitaran di dalam dan di luar rumah agar tidak ada tempat-tempat atau bekas-bekas kosong yang boleh mebiak nyamuk aedes.

Peranan PBT MPSP juga amat penting dalam memastikan persekitaran bersih dan memastikan warga Seberang Perai sentiasa sihat dan bebas dari penyakit merbahaya seperti denggi. Sampah atau sisa pepejal merupakan agenda yang sering berkait rapat dengan kebersihan persekitaran. Pembuangan sampah secara haram dan tidak teratur merupakan punca pembiakan nyamuk aedes di persekitaran penduduk. Peningkatan sampah yang dijanakan oleh penduduk setiap tahun semakin meningkat akibat peningkatan jumlah penduduk.

MPSP telah menyediakan pelbagai program bagi mengatasi isu kebersihan persekitaran. Bengkel / taklimat kitar semula melalui program LA 21, pertandingan Taman Bersih, Penubuhan Pusat Kitar Semula dan terbaru adalah melancarkan program Dasar Pengasingan Di Punca.

Dasar Pengasingan di Punca ini adalah satu inisiatif positif yang diambil Kerajaan Negeri P.Pinang bagi mengurangkan sisa yang dilupuskan di Pulau Burung. Ianya telah dikuatkuasakan pada 1 Jun 2016. Dasar pengasingan di Punca ini, MPSP dapat memantau dengan lebih berkesan jenis sisa yang di buang samada jenis toksid / beracun, pembuangan sampah haram, mengurangkan jenis sampah yang boleh menjadi tempat pembiakan nyamuk, dan meningkatkan amalan kitar semula di kalangan warga MPSP. Akhirnya menjurus kepada persekitaran yang bersih di samping mengurangkan kos pelupusan sisa pepejal.

Melalui Dasar Pengasingan Sisa di Punca, semua penduduk di negeri Pulau Pinang dimestikan mengasingkan sampah mereka sebelum dilupuskan, barang kitar semula kering dan sisa domestik. Kaedah ini merupakan pengasingan di punca yang paling mudah.

Kaedah ini juga dapat membantu mengurangkan sampah seperti plastik, botol , dan lain lain bahan yang boleh menakung air dari di buang merata rata lalu manjadi sarang nyamuk melalui proses di kitar semula bahan tersebut . Bahan ini adakalanya berharga dan boleh menjana ekonomi

oleh individu yang mengamalkannya. Manakala sisa organik boleh dikitar semula untuk di buat baja kompos boleh menyuburkan tanaman.

Saya ingin mengucapkan SYABAS kepada Pejabat YB Dr Afif Bahardin, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai yang bertungkus lumus menjayakan Karnival Kesedaran Denggi 2016 pada hari ini. Saya berharap karnival ini dapat memberi kesedaran kepada masyarakat umum bahawa usaha yang kecil sebenarnya boleh membawa perubahan yang besar dalam membantu membasmi dan mengurangkan wabak ini dan memberi kesedaran bahawa tanggungjawab masyarakat juga memainkan peranan yang amat penting dalam membanteras wabak ini selain peranan daripada pihak agensi-agensi kerajaan.

Sekian terima kasih.